






AKAUN SATELIT PELANCONGAN 2024

Industri pelancongan menyumbang 15.1 peratus (2023: 14.9%) kepada KDNK¹ pada 2024



Penggunaan Pelancongan *Internal*

Penggunaan pelancongan *internal* didominasi oleh perbelanjaan pelancongan *inbound* sebanyak 52.1 peratus (2023: 49.1%) pada 2024



Guna Tenaga Dalam Industri Pelancongan

21.6 peratus (2023: 21.4%) guna tenaga terlibat dalam industri pelancongan di Malaysia


Jumlah guna tenaga



Terlibat dalam industri pelancongan





Guna tenaga dalam industri pelancongan disumbang oleh



Sumber: Akaun Satelit Pelancongan Malaysia 2024, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Nilai Ditambah Kasar Industri Pelancongan



Pelancongan Malaysia menjana RM291.9 bilion, menyumbang 15.1 peratus kepada ekonomi negara pada tahun 2024.

- Industri pelancongan Malaysia kekal sebagai pemacu utama ekonomi dengan menyumbang 15.1 peratus (2023: 14.9 peratus) kepada KDNK pada tahun 2024. Dari segi prestasi, industri pelancongan berkembang sebanyak 7.4 peratus berbanding 10.9 peratus pada tahun 2023. Justeru itu, nilai industri pelancongan Malaysia pada tahun 2024 berjumlah RM291.9 bilion berbanding RM271.9 bilion pada tahun 2023.
- Perbelanjaan pelancongan *inbound* Malaysia berkembang sebanyak 41.1 peratus atau RM107.0 bilion pada tahun 2024. Pertumbuhan ini disokong oleh aktiviti Membeli-belah (36.1%), diikuti oleh Pengangkutan penumpang (19.1%) dan Penginapan (18.5%). Komposisi perbelanjaan *inbound* didominasi oleh segmen pelancong yang menyumbang 96.1 peratus dan selebihnya 3.9 peratus oleh segmen pelawat harian.
- Perbelanjaan pelancongan domestik meningkat sebanyak 25.1 peratus (2023: 32.9%) atau RM98.4 bilion pada tahun 2024. Perbelanjaan domestik terdiri daripada pelancong yang menyumbang 57.8 peratus manakala pelawat harian mencatatkan 42.2 peratus.
- Penggunaan pelancongan *internal* meningkat 33.0 peratus pada tahun 2024 daripada 66.1 peratus pada tahun 2023. Penggunaan pelancongan *internal* adalah merangkumi perbelanjaan pelancongan *inbound* dan pelancongan domestik. Perbelanjaan pelancongan *inbound* kembali mendominasi pada tahun 2024 dengan sumbangan 52.1 peratus (2023: 49.1%) daripada penggunaan pelancongan *internal*, selepas lima tahun berturut-turut didominasi oleh perbelanjaan domestik.
- Dari segi guna tenaga, pelancongan menyumbang 21.6 peratus daripada jumlah guna tenaga di Malaysia atau 3.5 juta orang pada tahun 2024. Dari segi pertumbuhan, guna tenaga pelancongan meningkat sebanyak 4.6 peratus berbanding 4.9 peratus pada tahun 2023. Perdagangan runcit, Makanan & minuman dan perkhidmatan lain secara kolektif merangkumi 85.2 peratus daripada jumlah pekerjaan pelancongan.

